

Beri masa atasi banjir di Selangor

Kerajaan Negeri sedang rangka pelan perancangan

NURULFATIHA MUAH

SHAH ALAM – Penduduk diminta bersabar dan memberi masa kepada Kerajaan Negeri melaksanakan pelan perancangan untuk mengatasi banjir di beberapa kawasan di Selangor.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, pembangunan infrastruktur tidak boleh dibuat dalam tempoh singkat memandangkan perlu melalui banyak proses yang melibatkan pelbagai agensi.

“Infrastruktur ini tidak boleh dibuat dalam satu atau dua hari, ia mesti ada perancangan dan sebagainya. Kalau katakan hendak korek satu tempat bawah tanah, (di situ) ada kemudahan lain seperti telefon wayar (bawah tanah). Semua itu kena buat kajian, dapatkan kelulusan (agensi terlibat) dan sebagainya.

“Ada banyak agensi terlibat dalam kerja ini. Contohnya, Kerajaan Negeri peruntukkan RM5 juta atasi banjir di Klang. Saya dimaklumkan bahawa kerja (tebatan banjir) akan dimulakan terus menerus dan habis dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pelan



perancangan mengatasi banjir yang dibuat Kerajaan Negeri berikutan musim tengkujuh ketika ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri kini menggunakan kuasanya mengarahkan pemaju supaya menyediakan kolam tadahan air untuk semua kawasan pembangunan yang dibuat mereka.

Katanya, tindakan itu diambil kerana kebanyakan bencana yang berlaku itu berlaku berpunca akibat pembangunan pada masa lalu yang tidak mementingkan aspek banjir.

“Kebanyakan taman perumahan lama tidak mempunyai kolam tadahan air. Sebab itu, kerajaan membuat satu kajian di mana kawasan baru yang bakal dibangunkan berdekatan de-

“Semua pegawai kita sudah siap sedia menerima kes banjir. Sesiapa yang memerlukan bantuan, boleh telefon pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan (PBT).”

Xavier

ngan kawasan lama (taman perumahan lama), perlu ada kolam tersebut.

“Contohnya, di Bandar Botanic, Klang kita sudah ada satu kolam tadahan sekarang. Jadi kawasan itu dan kawasan berhampirannya seperti Bukit Tinggi tidak akan banjir,” katanya.

Dalam pada itu, Xavier turut menasihatkan orang ramai supaya menyimpan dokumen penting dan perkakasan elektrik di tempat tinggi untuk mengelak sebarang kemungkinan.

“Semua pegawai kita sudah siap sedia menerima kes banjir. Sesiapa yang memerlukan bantuan, boleh telefon pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.